

HULURKAN BANTUAN,
RINGANKAN BEBAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠٦﴾

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala .

Setiap orang beriman perlu memiliki sifat mengambil berat akan perihal saudara seagamanya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى

Yang bermaksud: *“Perumpamaan orang mukmin dalam sikap saling mencintai, mengasihani dan menyayangi, seumpama tubuh badan, jika satu anggota tubuh badan sakit, maka anggota tubuh badan yang lain akan susah tidur atau merasa demam.”*

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah sallallahu alaihi wasallam membuat perumpamaan bahawa persaudaraan orang mukmin itu seolah-olah sebuah bangunan sebagaimana sabda Baginda dalam hadis riwayat Imam Muslim:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Yang bermaksud: *“Orang mukmin dengan orang mukmin yang lain seperti sebuah bangunan, sebahagian menguatkan sebahagian yang lain.”*

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah subhanahu wa taala kerana umat Islam di negara kita Malaysia dan negeri kita Pahang Darul Makmur ini dapat mengecap kehidupan yang aman damai. Namun demikian, terdapat saudara seagama kita seperti etnik Rohingya di Barat Myanmar sedang ditindas. Sejak tahun 1978 hingga kini, mereka menghadapi kezaliman dan pencabulan hak asasi manusia oleh tentera Myanmar tanpa mendapat pembelaan sewajarnya sehingga ratusan ribu orang telah menjadi pelarian.

Di Palestin, umat Islam menghadapi kezaliman oleh regim Zionis Israel sejak berpuluh-puluh tahun. Di Syria, saudara-saudara kita sedang menghadapi kezaliman melampau oleh regim Basyar Assad. Di Yaman, umat Islam di sana sedang diancam krisis kebuluran. Begitu jugalah jutaan umat Islam di Somalia, Ethiopia dan beberapa negara miskin yang lain.

Kita mampu tidur nyenyak di rumah masing-masing beralaskan tilam dan bantal empuk, sedangkan saudara seagama kita di sesetengah negara tidur dalam kelaparan atau ketakutan. Ada yang tidur di celah runtuh bangunan bertemankan bunyi tembakan dan letupan bom.

Apakah peranan kita sebagai saudara seagama yang dikurniakan kehidupan yang lebih baik? Tidakkah kita merasa sedih, sebak atau terguris hati melihat nasib mereka yang sedang ditimpa kesusahan?

Menolong umat Islam yang sedang dalam kesusahan atau yang sedang dizalimi merupakan suatu tuntutan dalam Islam. Sabda Rasulullah Sallallahu alahi wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

أَنْصُرُ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا قَالَ تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ.

Yang bermaksud: *“Tolonglah saudaramu yang zalim atau yang dizalimi.”* Maka para sahabat bertanya, *“Orang yang dizalimi jelas kami tolong, lalu bagaimanakah cara menolong orang yang melakukan kezaliman?”* Baginda bersabda, *“iaitu dengan cara mencegahnya daripada perbuatan zalim itu.”*

Firman Allah subhanahu wa taala dalam Surah al-Ma'idah ayat 2:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...^ج

Yang bermaksud: *...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran...*

Jika kita mukmin sejati, sudah tentu kita mencari jalan bagaimana hendak menolong saudara seagama kita. Mungkin kebanyakan kita tidak mampu untuk ke sana bagi memberi bantuan dalam bentuk fizikal, namun

Allah subhanahu wa taala kurniakan kita rezeki yang jauh lebih baik berbanding mereka. Oleh itu, marilah kita bersama-sama memberi bantuan kewangan melalui kutipan dana yang telah mendapat kebenaran bertulis daripada Kerajaan Malaysia atau Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang untuk disalurkan kepada umat Islam yang memerlukan. Jadi, tiada alasan untuk kita berdiam diri atau bersifat lepas tangan daripada membantu dalam bentuk kewangan. Jika kita tidak mempunyai kemampuan kewangan, maka kita boleh membantu mereka dengan berdoa kepada Allah agar mereka selamat dan dibebaskan daripada cengkaman kezaliman.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Di sekitar kita, terdapat juga segelintir ahli masyarakat yang memerlukan pertolongan seperti golongan miskin tegar, golongan berpendapatan rendah, ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim, golongan pendakwah yang memperuntukkan sepenuh jiwa raga untuk menyebarkan agama Islam khususnya di pedalaman, golongan pelajar yang kurang berkemampuan untuk menyambung pengajian, golongan orang kurang upaya (OKU), pengidap-pengidap penyakit kronik yang memerlukan wang untuk menampung kos perubatan yang tinggi dan pelbagai golongan lagi. Ringankanlah beban mereka dengan berkongsi sebahagian rezeki yang Allah kurniakan kepada kita dengan memberikan infaq.

Sabda Rasulullah sallahu alaihi wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: *“Barangsiapa meringankan satu kesusahan seorang mukmin daripada kesusahan-kesusahannya di dunia, maka Allah akan meringankan satu kesusahan*

daripada kesusahan-kesusahannya pada hari kiamat. Barangsiapa memberi kemudahan kepada seorang yang dalam kesulitan, Allah akan memberi kemudahan kepadanya di dunia dan akhirat.

Jawatankuasa dan ahli jemaah masjid boleh memainkan peranan dengan menziarahi ahli kariahnya bertujuan bagi membuka hati mereka supaya keseluruhan ahli kariah dapat hadir untuk solat berjemaah di samping mengenalpasti golongan yang sangat memerlukan bantuan. Hasil kutipan masjid hendaklah digunakan untuk manfaat kebajikan ahli kariah masjid dan pembaikpulihan serta kebersihan dan penyelenggaraan tanah kubur kariah masjid bukan hanya disimpan berpuluhan ribu tanpa dimanfaatkan. Sememangnya menjadi kewajipan jawatankuasa masjid untuk melaporkan apa-apa perkara yang berlaku dalam kariahnya kepada Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ ۖ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا

مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧٠﴾

Yang bermaksud: *Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan nafkahkanlah sebagian dari hartamu yang Allah telah menjadikan kamu menguasainya. Maka orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan (sebahagian) daripada hartanya memperoleh pahala yang besar.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.